



**UNDANG-UNDANG KESAKSIAN ISLAM
DAN PERBANDINGANNYA DENGAN
UNDANG-UNDANG SIVIL.**

**OLEH
NORZITA ABU SAMAH**

**KERTAS PROJEK INI IALAH
SATU LATIHAN ILMIAH UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN
DIPLOMA UNDANG-UNDANG
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM
SESSI 1991/1992**

| | |
|---|-----------|
| INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY LIBRARY | |
| ORDER NO: <i>GIFT</i> | LOCATION: |
| DATE RECEIVED: <i>6/9/92</i> | <i>M.</i> |
| ACC. NO: 128761 | |

CALL NO:
**KULLIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
PETALING JAYA
SELANGOR**

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian dipanjatkan Kehadrat Allah S.W.T. Tuhan sekalian Alam kerana dengan limpah dan kurnianya, serta taufik dan hidayahnya memberi kesempatan kepada penulis untuk menyiapkan sebuah kertas projek bagi syarat untuk mendapat Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.


Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah dan penyelia penulis, yang berbahagia Dr. Mahmud Saedon A. Othman yang memberi nasihat, bimbingan, tunjuk ajar dan kritikan terhadap kajian ini.

Penulis juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada keluarga terutama sekali kedua ibubapa penulis kerana dengan dorongan mereka, penulis dapat menyiapkan kajian ini dengan sempurna.

Seterusnya penulis mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan (Anis, Emjay & Syikin) yang telah memberi sokongan material dan moral bagi menyiapkan kajian ini.

Akhirnya, penulis berharap agar kajian ini dapat memberi kefahaman yang jelas kepada pembaca dan mengharapkan dengan izin Allah S.W.T. akan terlaksananya pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.

Saya yang benar,



Norzita Abu Samah

Kg. Sri Asahan,

73200 Gemencheh,

Negeri Sembilan.

KANDUNGAN

| | |
|---|-----|
| PENGHARGAAN | I |
| KANDUNGAN | II |
| TRANSLITERASI | III |
| SENARAI PERKATAAN RINGKAS | IV |
| SENARAI KES-KES | VI |
| PENDAHULUAN | 1 |
| BAB SATU | 2 |
| 1.1 Konsep Undang-Undang Keterangan Islam | 3 |
| 1.2 Konsep Undang-Undang Keterangan Sivil | 12 |
| 1.3 Takrif Syahadah | 20 |
| 1.4 Dalil Pensyariatan | 23 |
| 1.5 Hukum Kesaksian | 27 |
| BAB DUA | 33 |
| 2.1 Rukun Kesaksian | 34 |
| 2.2 Syarat-Syarat Saksi Dalam Undang-Undang Islam..... | 35 |
| 2.3 Syarat-Syarat Saksi Dalam Undang-Undang Sivil..... | 49 |
| 2.4 Bilangan Saksi | 66 |
| 2.5 Penyiasatan (Takziah) Terhadap Saksi | 75 |
| 2.6 Penarikan Balik Kesaksian Dan Tanggungjawab Saksi | 81 |
| BAB TIGA | 85 |
| 3.1 Kesaksian Hisbah | 86 |
| 3.2 Kesaksian Kanak-Kanak | 87 |
| 3.3 Kesaksian Palsu | 89 |
| 3.4 Kesaksian Orang Kafir | 90 |
| 3.5 Kesaksian Atas Kesaksian | 92 |
| 3.6 Kesaksian Dengar Cakap | 100 |
| 3.7 Keterangan Dengar Cakap (Hearsay) Dalam Undang-Undang Sivil | 103 |
| PENUTUP | 113 |
| BIBLIOGRAFI | 115 |

TRANSLITERASI

Bagi perkataan Arab yang digunakan di sini adalah mengikut transliterasi berikut:

| | |
|--------|--------|
| a = ا | dh = ض |
| b = ب | t = ط |
| t = ت | 2 = ظ |
| s = ث | ' = ع |
| j = ج | gh = غ |
| h = ح | f = ف |
| kh = خ | q = ق |
| d = د | k = ك |
| 2 = ذ | l = ل |
| r = ر | m = م |
| z = ز | n = ن |
| S = س | h = ه |
| sy = ش | w = و |
| s = ص | y = ي |

SENARAI PERKATAAN RINGKAS

- A.I.R. - All India Reports
- A.C. - Appeal Cases
- All.E.R. - All England Reports
- C.L.J. - Culcutta Law Journal
- C.L.R. - Culcutta Law Reports
- Cr.L.J. - Criminal Law Journal of India
- Cr.L.R. - Criminal Law Review
- Cr.R. - Criminal Rulings of the
Bombay High Court
- M.L.J. - Malayan Law Journal
- Q.B. - Law Reports, Queen's
Bench, from 1891
- Q.B.D. - Queen's Bench Division,
Law Reports.1875-1890
-

W.R. - Southerland's Weekly

Reporter, 1862 - Culcatta

SENARAI KES-KES

1. Mohamed Sugul lwn. The King (1946) AC 57
 2. Chai Kor lwn. Pendakwaraya (1965)2MLJ 208
 3. Bhuboni lwn. R.AIR 1949 PC 259:50 Cr LJ 872
 4. Mohamed Alias lwn. Pendakwaraya (1983)2MLJ 172
 5. Tua Kin Ling lwn. Pendakwaraya (1970) 2MLJ 61
 6. Vadivelu Tevar lwn. S
 7. Subramaniam lwn. Pendakwaraya (1956) 22MLJ 220
 8. Re Soo Leot (1956) 22MLJ 54
 9. Sparks lwn. R. (1964) A.C.964
 10. Nahar Singh lwn. Pang Hon Chin (1986) 2MLJ 141
 11. Pendakwaraya lwn. Wong Moy. (1988) 3MLJ 280
 12. Chandrasekaran lwn. R (1937) A.C.220
 13. Boota Singh (1933) 2MLJ 195
 14. Mary Shin lwn. Pendakwaraya (1962) 28MLJ 132
-

15. Chan Phuat Khoon lwn. Pendakwaraya (1962) 28MLJ 127
16. Toh Lai Heng lwn. R. (1961) 27MLJ 53
17. Syarikat Jengka Sdn. Bhd lwn. Abdul Rashid b. Harun (1981) 1MLJ 201
18. Sugden lwn. Lord St.Leornards (1976) 1PD 154

PENDAHULUAN

Kajian ini adalah merupakan suatu kajian perbandingan mengenai Undang-Undang Kesaksian Islam dan Undang-Undang Kesaksian Sivil. Di dalam kajian ini, penulis cuba untuk menjelaskan tentang persamaan dan perbezaan yang wujud diantara kedua-dua undang-undang tersebut. Disamping itu juga untuk memaparkan kepada masyarakat bahawa Undang-Undang Kesaksian Islam bukanlah merupakan undang-undang ketinggalan zaman dan tidak lagi sesuai dilaksanakan bahkan ianya mampu untuk menandingi undang-undang lain. Undang-Undang Kesaksian Islam telah dibuat berdasarkan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W. dan ianya mempunyai syarat-syarat khas bagi menjamin keadilan dan kehormatan manusia di muka bumi ini.

Kajian ini dibahagikan kepada tiga bab. Bab pertama, merupakan pengenalan mengenai konsep undang-undang keterangan Islam dan Sivil. Disamping itu juga dijelaskan tentang pengertian kesaksian dalam Islam, dalil-dalil pensyariaan dan hukum memberi kesaksian. Bab kedua mengenai syarat-syarat kesaksian di dalam undang-undang kesaksian Islam dan undang-undang sivil seperti yang dinyatakan dalam Akta Keterangan 1950. Di dalam bab ini juga dibincangkan tentang bilangan saksi, tazkiah dan penarikan balik kesaksian. Bab ketiga pula menjelaskan jenis-jenis kesaksian dalam Islam dan perbandingannya dalam undang-undang sivil.

Pada penutupnya yang ringkas adalah merupakan satu kesimpulan yang meliputi keseluruhan kajian ini.

BAB SATU

- 1.1 Konsep Undang-Undang Keterangan Islam**
 - 1.2 Konsep Undang-Undang Keterangan Sivil**
 - 1.3 Takrif Syahadah**
 - 1.4 Dalil Pensyariatan**
 - 1.5 Hukum Kesaksian**
-

BAB SATU

1.1 KONSEP UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM

Keterangan adalah penting dalam sesuatu perbicaraan dan membantu mahkamah agar dapat menjatuhkan hukuman dengan adil. Ini bermakna bahawa yang dimaksudkan dengan keterangan itu adalah luas, iaitu setiap sesuatu yang diperlukan oleh mahkamah untuk sampai kepada hukuman yang adil yang mempunyai kaitan atau hubungan dengan perkara yang hendak diselesaikan dan ini termasuklah keterangan yang diberikan oleh pihak yang mendakwa, yang didakwa, saksi-saksi pakar dan seterusnya keterangan ini adakalanya mengenai fakta, undang-undang, pendapat, ulasan dan seterusnya.¹

Dengan berdasarkan prinsip Islam, seperti yang ditegaskan oleh kaedah fikah-fikah, "yakin tidak boleh dihilangkan oleh syak" maka, adalah menjadi kewajipan orang yang menuduh seseorang bersalah itu untuk membuktikan kebenaran tuduhannya itu, kerana adalah merupakan satu keyakinan bahawa seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya. Dan bukti itu hendaklah kuat sehingga dapat menghapuskan keyakinan kerana keyakinan tidak boleh dihapuskan dengan syak. Dengan itu keterangan bukti dan hujah adalah sangat penting dalam sesuatu kes.²

Dalam undang-undang keterangan Islam, keterangan dikenali dengan istilah "bayyinah" "Bayyinah" pada umumnya bermakna dalil dan hujah yang menerangkan, menjelaskan dan menzahirkan sesuatu perkara.³

¹ Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, *Kanun*, Jun 1991 3 *Kanun*(2), hlm. 17

² Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, *Kanun*, Jun 1990 2 *Kanun*(2), hlm. 14

³ *Ibid*

Terdapat perselisihan pendapat ulama' dalam memberi pengertian bayyinah dari segi syara' diantaranya :-

1. Ulama' Hanafi, Maliki, Shafie dan Hanbali menyatakan bahawa bayyinah adalah syahadah. Ini adalah kerana melalui bayyinah dan dengan adanya saksi maka hak dan kebenaran akan menjadi jelas. Kebanyakan keterangan adalah dalam bentuk syahadah yang diberikan oleh saksi supaya pertikaian dapat diselesaikan melalui keterangan mereka.⁴ Bagi golongan ini, bayyinah dan syahadah adalah dua perkataan yang sama maksudnya. Mereka berpendapat begitu berdasarkan dalil-dalil syar'ie, diantaranya :-

a) Al-Quran menggunakan syahadah sebagai bayyinah melalui firman Allah :-

”والذين يرمون المحصنات ثم لم يأتوا بأربعة
شهداء فاجلدوهم ثمانين جلدة ولا تقبلوا
لهم شهادة أبداً أولئك هم الفاسقون”

Yang bermaksud "Orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, tetapi mereka tidak membawa empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya kerana mereka adalah orang yang fasik".⁵ Ayat ini menyatakan bahawa untuk mensabitkan zina hendaklah dengan empat orang saksi yang memberikan bayyinah atau keterangan; yang dimaksudkan dengan bayyinah adalah syahadah kerana persabitan zina melalui kesaksian empat orang saksi adalah syahadah.⁶

⁴ Ibid

⁵ Q24:4

⁶ Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, *op.cit.* hlm.16

b) Rasulullah s.a.w telah menggunakan perkataan bayyinah dalam beberapa hadis Baginda yang dimaksudkan sebagai syahadah. Contohnya:-

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: أَوَّلُ لَعْنٍ كَانَ فِي
الْإِسْلَامِ أَنَّ شَرِيكَ بْنَ سَحْمَةَ قَذَفَهُ هَلَالًا
بِئْسَ بِأَمِيَّةٍ بِأَمْرًا، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
الْبَيْئَةُ وَالْأَفْعَدُ فِي ظَهْرِكَ

Yang bermaksud : Daripada Anas B.Malik katanya, li'an yang pertama sekali berlaku dalam Islam ialah apabila Ibnu Umayyah telah menuduh isterinya melakukan zina dengan Syuraik Ibnu Sahma dan Rasulullah s.a.w telah bersabda kepada Hilal, "berikanlah al-bayyinah (kesaksian) jika kamu tidak memberikan al-bayyinah maka hukuman had akan dikenakan ke atas belakangmu. Ini jelas menunjukkan bahawa yang dikehendaki dengan bayyinah di sini adalah syahadah.⁷

2. Ibnu Farhun, Ibnu Taymiyyah dan Ibnu Qayyum berpendapat bayyinah ialah nama bagi sesuatu yang menerangkan, menjelaskan dan menzahirkan hak. Bagi golongan ini, segala apa yang dizahirkan di hadapan kadi adalah bayyinah seperti dalil, hujah atau cara-cara yang digunakan dalam pembuktian sesuatu hak. Mereka mendakwa pendapat ini berdasarkan dalil-dalil syar'ie, diantaranya :-⁸

⁷ Ibid

⁸ Ibid, hkm.15

a) Perkataan bayyinah dalam Al-Quran bukanlah bererti syahadah sahaja malah juga memberi maksud hujah ; dalil dan keterangan juga. Allah s.a.w berfirman :-

" وَلَقَدْ تَرَكْنَا مِنْهَا آيَةً بَيِّنَةً لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ "

Yang bermaksud: "Dan demi sesungguhnya kami telah (membinasakan bandar itu dan telah) meninggalkan bekas-bekasnya sebagai satu tanda yang nyata bagi orang-orang yang mahu memahaminya."⁹

" لَقَدْ أَرْسَلْنَا بِالْبَيِّنَاتِ "

Yang bermaksud, "Demi sesungguhnya kami telah mengutus rasul-rasul kami dengan membawa bukti & mukjizat yang jelas".¹⁰

" قُلْ إِنِّي عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي "

Yang bermaksud, "Katakanlah, sesungguhnya aku tetap berada disisi (Kebenaran yang berdasarkan) bukti-bukti yang nyata (Al-Quran dari Tuhanku)".¹¹

Perkataan hayyinah dalam ayat-ayat di atas tidak membawa maksud syahadah malah ianya bermaksud tanda yang nyata, bukti, keterangan dan hujah, malah dalam surah Al-An'aam ia bermakna Al-Quran, seperti yang dimaklumi Al-Quran adalah bukti, dalil, keterangan, hujah, petunjuk serta hidayah ke arah tauhid dan kebenaran.¹²

⁹ Q.29:35

¹⁰ Q.57:25

¹¹ Q.6:57

¹² Dr. Mahmud Saadun Awang Othman, op.cit, hlm. 18

b) Perkataan bayyinah yang digunakan dalam hadis-hadis tidaklah bermaksud syahadah sahaja, malah ianya memberi erti yang lebih luas dari itu, dan hujah.¹³

رسول الله صلى الله عليه وسلم قال:
"البينة على المدعى واليمين على من انكر"

Yang bermaksud "Al-bayyinah (keterangan) bagi pihak yang mendakwa dan sumpah bagi pihak yang didakwa".¹⁴

Menurut Ibnu Qayyim, umumnya bayyinah ialah bagi setiap sesuatu yang menerangkan hak dan menjelaskannya, dan sesiapa yang mengkhususkannya kepada dua orang saksi atau empat atau seorang saksi lelaki sahaja bermakna dia tidak menyempurnakan hak bayyinah itu.¹⁵ Dalam Al-Quran al-bayyinah tidak sekali-kali menghadkan maksudnya kepada dua orang saksi lelaki sahaja malah bermaksud hujah, dalil samada secara satu-satu atau secara kumpulan.¹⁶

Dan demikian juga dengan sabda Nabi s.a.w yang bermaksud, keterangan pihak yang mendakwa hendaklah menerangkan dan menjelaskan apa-apa sahaja yang boleh membenarkan dan menyokong dakwaannya agar hukum diberikan terhadap orang yang didakwa, dan dua orang saksi adalah sebahagian bayyinah.¹⁷

¹³ Ibid

¹⁴ Ibid

¹⁵ Ibid

¹⁶ Ibid, hkn.19

¹⁷ Ibid

Tidak syak lagi bahawa selain syahadah adakalanya keterangan lain lebih kuat, kerana adanya tanda-tanda dan keadaan yang menunjukkan kebenaran dakwaan yang mendakwa dan tanda-tanda itu lebih kuat daripada keterangan saksi, Al-bayyinah, Al-dilalah, al-hujah, al-burhan, al-ayat, al-taksiran, al-alamah dan al-amarah adalah hampir sama maknanya, Pencipta syariah tidak membuang qarinah, amarah dan keadaan serta suasana (dilalah ahwal) malah sesiapa yang telah membuat kajian tentang sumber syariah akan mendapati bahawa syariah mengambil kira perkara tersebut.¹⁸

Dalam kitabnya, Ibnu Qayyim telah menyatakan contoh jenis-jenis hujah atau bayyinah, diantaranya:-

a) dengan cara enggan bersumpah

b) dengan berdasarkan alamat yang khusus dalam kes menuntut harta terpendam atau tertimbus di dalam rumah. Harta tersebut diberikan kepada pihak yang berjaya memberikan tanda-tanda khusus yang terdapat pada harta dan disertai dengan sumpah.

c) dengan berdasarkan qarinah nyata yang disertai dengan sumpah oleh pihak yang mendakwa dalam kes pertikaian antara tukang jahit dengan tukang kayu berhubung dengan alat pertukangan.

d) dengan berdasarkan tanda pada badan anak pungut yang berjaya dinyatakan oleh salah satu pihak yang bertikai.¹⁹

Kesimpulannya, apa yang dinyatakan oleh Ibnu Qayyim adalah menyokong pendapat kedua mengenai pengertian bayyinah bukan bermakna syahadah sahaja malah

¹⁸ Ibid

¹⁹ Ibid, hlm.20

merangkumi dalil, hujah, amarah, ayat, alamat, qarinah dan lain-lain selagi ianya menzahirkan, menjelaskan dan membuktikan kebenaran sesuatu dakwaan.

3. Menurut Ibnu Hazam pula bayyinah ialah keterangan yang termasuk juga kesaksian saksi dan Ibnu al-Qadi kerana hak dan kebenaran boleh dijelaskan melalui kedua-dua cara ini. Di-mana mengikut kiraan ilmu Qadi adalah bayyinah yang terkuat dan paling adil.²⁰

Ilmu Qadi bolehlah diterima jika kadi ini benar-benar seorang yang adil dan memenuhi semua syarat-syarat kadi. Jika kadi itu seorang muqallid dan dilantik atas dasar darurat maka umumnya bukanlah satu bayyinah yang terkuat sekali.

Ibnu Hazam juga berpendapat bahawa bayyinah mempunyai maksud yang luas dan umum, termasuk syahadah, ikrar dan Ilmu Qadi. Kepada beliau yang penting sekali ialah menegakkan keadilan melalui keterangan. Ilmu al-Qadi, makluman dan pengetahuan seseorang kadi yang diperolehinya secara khusus samada di luar atau di dalam mahkamah, samada sebelum atau sesudah dilantik, dan semua faktor ini adalah bayyinah, malahan merupakan salah satu bayyinah yang terkuat dan boleh digunakan dalam pensabitan sesuatu kes samada hudud, qisas atau lainnya, dan demikianlah juga dengan syahadah yang merupakan bayyinah juga²¹. Ini adalah satu pendapat yang lemah kerana jumbuh ulama' tidak menerima ilmu al-qadi yang diperolehi sebelum menjawat jawatan kadi sebagai satu cara pembuktian.

²⁰ Ibid, hlm.15

²¹ Ibid

KESIMPULAN

Jumhur ulama' menyatakan bahawa bayyinah adalah termasuk syahadah. Bagi sebahagian ulama' pula, selain syahadah, mereka berpendapat bayyinah juga merangkumi segala yang menzahirkan, menjelaskan dan membuktikan kebenaran iaitu dalil, hujah, al-alamah, qasamah, yamin, li'an, qarinah dan syawahidu hal.

Dengan penerangan di atas, bolehlah difahamkan bahawa bayyinah adalah umum dan merangkumi semua keterangan yang membuktikan kebenaran di mahkamah, manakala syahadah adalah satu cara pembuktian yang khusus.

Enakmen keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 1991, seksyen 3 memperuntukkan bahawa "keterangan" adalah termasuk :-

- a) bayyinah dan syahadah.
- b) segala kenyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubung dengan perkara-perkara nyataan yang disiasat, kenyataan-kenyataan itu adalah disebut keterangan lisan.
- c) segala suratan yang dikemukakan untuk diperiksa oleh mahkamah, suratan adalah disebut keterangan suratan.

Berdasarkan tafsiran keterangan di atas, telah disebut dua perkataan iaitu bayyinah dan syahadah. Boleh difahamkan bahawa keduanya bukan bererti perkara yang sama. Malah Enakmen keterangan syariah telah memberi takrif tersendiri bagi kedua-kedua perkataan itu :-

a) **bayyinah** - ertinya keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan termasuk qarinah.

b) **syahadah** - ertinya keterangan yang bersifat benar di mahkamah dengan menggunakan lafaz "asyhadu" untuk mensabitkan hak atau kepentingan seseorang ke atas seorang lain, apabila sabit mengikat hakim.²²

Daripada kedua-dua takrif di atas jelaslah bahawa prinsip yang dikemukakan oleh Ibnu Qayyim dan para ulama' yang sependapat dengannya telah diterima dalam Enakmen Keterangan Syariah.

Dalam kajian yang seterusnya akan dibentangkan syahadah sebagai satu cara pembuktian yang khusus. Di mana syahadah akan dibincangkan secara terperinci.

Syahadah mempunyai syarat-syarat yang khas dan ketat. Hanya setelah memenuhi syarat-syarat ini keterangan atau kesaksian seorang saksi akan diterima di mahkamah. Ini adalah dengan penerimaan syahadah, hakim telah terikat, di mana keputusan penghakimannya mesti berdasarkan syahadah itu. Ini berbeza dengan bayyinah, di mana ianya hanya semata-mata keterangan dan hakim akan membuat keputusan samada ianya berkaitan atau tidak. Maka dengan itu mana-mana orang yang tidak memenuhi syarat-syarat syahadah, keterangannya akan didengar di mahkamah sebagai bayyinah. Tidaklah jika seseorang itu tidak memenuhi syarat-syarat syahadah akan dibuang terus keterangannya.

²² 8.3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 1991

1.2 KONSEP UNDANG-UNDANG KETERANGAN SIVIL

Mahkamah adalah satu badan keadilan yang penting dalam menjamin keharmonian. Dalam proses keadilan ini mahkamah akan mengkaji segala keterangan yang diberikan oleh kedua-dua pihak yang terlibat. Dengan itu undang-undang keterangan telah diadakan bagi mengukuhkan lagi keadilan undang-undang di negara ini.

Keterangan adalah apa-apa perkara yang menyakinkan seseorang yang bertanya akan kewujudan atau ketidakwujudan fakta atau keadaan yang ditanyakan itu. Tidak semestinya keterangan itu menyakinkan orang yang bertanya itu tapi memadailah ia mendorong ke arah keyakinan itu. Orang yang bertanya itu boleh mempercayai keterangan itu atau percaya keterangan lain yang mendorongnya mempercayai sebaliknya. Misalnya A bila sampai di sebuah stesyen keretapi telah diberitahu oleh B bahawa keretapi masih belum bertolak. A boleh mempercayai B atau sebaliknya. Kenyataan yang dibuat B adalah keterangan. Di mana jika A percaya kenyataan B, maka A akan memahami dan mengetahui bahawa keretapi masih belum bertolak. Keterangan juga boleh memberikan jawapan yang salah.²³ Sebab itulah untuk menerima keterangan sebagai satu kenyataan yang benar, ia mestilah memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh undang-undang. Dengan itu terciptalah undang-undang keterangan.

Pengertian keterangan dari segi istilah undang-undang boleh dilihat dari dua aspek:-

(1) Keterangan sebagai satu acara pembuktian dan bagaimana sesuatu dibuktikan. Lazimnya termasuk juga testimoni saksi-saksi samada tulisan atau lisan dan pengemukaan barang-barang termasuk dokumen.

²³ Phipson & Elliot, *Manual of The Law of Evidence*, Eleventh Edition, London, Sweet & Maxwell 1980, hlm.3

(2) Keterangan juga sebagai fakta-fakta yang dibenarkan untuk dibuktikan di mahkamah kerana berkaitan. Sesuatu fakta itu dikatakan sebagai keterangan bagi fakta kedua bila undang-undang membenarkan fakta pertama dibuktikan bagi mendapat (establish) fakta kedua. Dengan itu barang-barang curi yang ada dalam milik seseorang itu adalah keterangan berpengetahuan salah (evidence of guilty knowledge). Maksudnya untuk membuktikan orang itu bersalah, mahkamah membenarkan pihak pendakwa membuktikan barang-barang itu ada dalam miliknya.²⁴

Prinsip-prinsip penting dalam undang-undang keterangan.

(1) Kebolehterimaan keterangan.

Sesuatu fakta itu dikatakan diterima di mahkamah bila undang-undang membenarkannya untuk dibuktikan oleh keterangan. Ianya hanya dibenarkan untuk dibuktikan bila ianya adalah fakta persoalan atau fakta yang mempunyai tahap perkaitan yang tinggi kepada fakta persoalan itu.²⁵

(2) Fakta persoalan.

Terdapat dua jenis utama fakta persoalan:-

- (a) sebagai satu perkara dalam undang-undang substantif (a matter of substantive law)
- (b) apa-apa persoalan sebagai satu perkara undang-undang (a matter of law)

Fakta persoalan adalah fakta-fakta utama yang perlu dibuktikan oleh plaintif dalam kes sivil atau pendakwaraya dalam kes jenayah di dalam mahkamah untuk mendapat kemenangan bersama fakta-fakta lain yang perlu dibuktikan oleh OKT atau defenden

²⁴ Ibid, hlm.10

²⁵ Ibid

bagi mendapat satu pembelaan bagi dirinya.²⁶

Fakta persoalan juga adalah fakta-fakta yang dikemukakan oleh pihak-pihak bertikai dalam suatu tindakan mahkamah sebagai asas pertikaian itu.²⁷

Di dalam beberapa kes, fakta persoalan hanya boleh ditentukan dengan merujuk undang-undang substantif dan pliding. Contohnya, plaintif menuntut gantirugi bagi kecederaan diri dari defenden yang dituduh memandu dengan cuai dan menyebabkan kecederaan itu. Persoalan di sini adakah defenden mempunyai kewajipan berjaga-jaga (*duty of care*) terhadap plaintif. Ini adalah perkara penting dalam undang-undang tort. Perkara yang dituduh oleh plaintif ialah kewajipan berjaga-jaga ini telah tidak ditunaikan oleh defenden dan boleh diketahui daripada butir-butir kecuaiian (*negligence*) yang dikemukakan dalam pernyataan tuntutan.

Dan jika defenden menafikan kecuaiian itu dalam pernyataan pembelaan, undang-undang keterangan ada menyediakan panduan bagi plaintif untuk menguatkan dakwaannya atau bagi defenden untuk membuktikan sebaliknya. Jika kecuaiian itu tidak dihasilkan dalam pembelaan, perkara yang akan dipersoalkan antara plaintif dan defenden adalah hanya mengenai kadar bayaran gantirugi yang perlu dibayar kepada plaintif. Dengan itu bidang undang-undang keterangan boleh dibataskan kepada kepada satu fakta persoalan sahaja dalam pliding didalam kes ini. Walaubagaimanapun kebanyakan kes melibatkan lebih dari satu fakta persoalan. Manakala dalam kes jenayah, jika terdapat akuan tidak bersalah, semuanya dalam kes itu akan menjadi persoalan, pendakwaraya perlu membuktikan keseluruhannya dalam kes itu termasuk identiti OKT, keadaan asal perbuatan (*nature of the act*) dan kewujudan apa-apa pengetahuan atau niat OKT.²⁸

²⁶ Sir Rupert Cross & Colin Tapper, *Cross on Evidence, Seventh Edition*, Butterworths, London Dublin Edinburgh 1990 hlm.19

²⁷ Frank Bates, *Principles of Evidence, Second Edition*, The Law Book Co. Ltd, Sydney 1990 hlm.1

²⁸ *Supra* note 28, hlm.19

Fakta Kolateral (Collateral facts) yang mungkin menjadi fakta persoalan adalah apa yang memberi kesan ke atas kewibawaan atau kebolehpercayaan seseorang saksi dan apa yang memberi kesan ke atas kebolehterimaan beberapa keterangan butiran (items); di mana semua itu boleh menjadi persoalan dalam sesuatu kes mengikut undang-undang keterangan sendiri dan tidak semestinya mengikut undang-undang substantif atau pliding.²⁹

(3) Fakta Relevan

Relevan adalah suatu hubungan antara satu fakta dengan satu fakta iaitu, di mana mengikut hukum logik dan pemikiran yang sihat, kewujudan satu fakta itu memungkinkan kewujudan atau ketidakwujudan fakta yang satu lagi itu. Suatu fakta yang bukan fakta persoalan tapi mempunyai hubungan dengan fakta persoalan adalah fakta relevan. Relevan bukan satu konsep undang-undang, malah ianya hanya berdasarkan logik dan fikiran yang sihat. Bagaimanapun undang-undang memastikan kewujudannya, dengan itu semua fakta yang tidak relevan tidak akan diterima di mahkamah. Ini tidak pula bermakna semua fakta relevan akan diterima kerana terdapat banyak lagi undang-undang pengecualian bagi fakta relevan ini.³⁰

(4) Keterangan langsung & Keterangan ikut keadaan.

Keterangan langsung mengandungi samada testimoni saksi-saksi yang melihat atau mendengar fakta yang akan dibuktikan atau pengemukaan dokumen atau barang-barang yang mengandungi fakta yang akan dibuktikan.

Manakala keterangan ikut keadaan pula adalah keterangan mengenai fakta yang akan

²⁹ *Ibid*, hlm.20

³⁰ *Phillips & Elliot, op.cit.*, hlm.10

dibuktikan ialah testimoni saksi-saksi yang melihat atau mendengar itu, dan bukan fakta yang hendak dibuktikan tetapi fakta lain yang darinya diketahui kewujudan atau ketidakwujudan fakta boleh difahami atau pengemukaan dokumen atau barang yang darinya difahamkan suatu fakta itu boleh dibuktikan.

Fakta yang mesti dibuktikan ialah samada fakta persoalan atau fakta relevan. Misalnya fakta persoalan dalam satu kes ialah samada A menggunakan sejenis pisau, manakala fakta relevan kepada fakta persoalan ialah samada A mempunyai pisau jenis itu, jika dijumpai dalam simpanannya, boleh dikatakan A menggunakannya. Jika B menyatakan dia nampak A menggunakan pisau itu, dia memberikan keterangan secara langsung mengenai fakta persoalan itu, Tetapi jika B menyatakan dia hanya nampak pisau itu dalam tangan atau simpanan A maka dia memberikan keterangan langsung mengenai fakta relevan iaitu milikan. Dan juga sebagai keterangan ikut keadaan yang A menggunakan pisau jenis itu.³¹

Keterangan ikut keadaan boleh juga dikatakan sebagai gambaran, fakta-fakta yang dibuktikan, ianya bukan apa yang dipersoalkan dalam kes itu tapi hanya berkaitan secara logik dengan fakta persoalan. Fakta Relevan mengandungi keterangan ikut keadaan contohnya "milikan" (possession) barang-barang yang baru dicuri adalah keterangan ikut keadaan bagi berpengetahuan salah (guilty knowledge).³²

(5) Keterangan asal & keterangan dengar cakap.

Keterangan asal ialah keterangan langsung daripada saksi-saksi yang membuat kenyataan tentang apa yang diketahui sendiri manakala, bila satu maklumat itu diambil daripada orang lain dan dia sendiri tidak tahu sebelum itu maka keterangan ialah keterangan dengar cakap.³³

³¹ Ibid, hlm.11

³² Ibid

³³ Ibid, hlm.12